

Kumpulan Perangsang taja Liga Sahur

31 Mei 2018



Mohd Fauzi Mohd Ghazali

SHAH ALAM - **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** menjadi penaja utama Liga Sahur, anjuran SukanSinar.com yang akan berlangsung di Kompleks Kumpulan Media Karangraf, di sini, Sabtu ini.

Pengarah Bersekutu Perhubungan Awam, Media dan Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), Mohd Fauzi Mohd Ghazali berkata, Liga Sahur menjadi sebahagian program CSR syarikat itu bagi membantu golongan memerlukan.

Menurutnya, syarikat berkenaan memperuntukkan RM30,600 bagi menjayakan program tersebut.

“Liga Sahur adalah pertandingan street soccer melibatkan pihak media dan Kumpulan Perangsang Selangor sendiri.

“Setiap pasukan akan mewakili rumah anak yatim atau badan kebajikan terpilih. Hadiah kemenangan akan disalurkan kepada setiap rumah kebajikan diwakili,” katanya.





Selain itu katanya, Liga Sahur menjadi platform untuk syarikat itu bersukan sambil beramal.

“Walaupun berpuasa pada waktu siang, tetapi ia tidak menghalang untuk bersukan dengan bermain secara beriadah pada waktu malam sebagai amalan gaya hidup sihat,” katanya.

Liga Sahur akan disertai lapan pasukan terdiri daripada Kumpulan Perangsang Selangor, SukanSinar, Astro Arena Bolamamak, RTM, TV3, Berita Harian, Dunia Sukan dan Persatuan Pemain-Pemain Bolasepak Profesional Malaysia (PFAM).

Pertandingan berlangsung jam 10 malam hingga 2 pagi.

Ia antara pengisian program sepanjang Karnival Karangraf x SifuFBads #BetulBetulRaya 2018, Jumaat hingga Ahad ini.

Sementara itu, Mohd Fauzi berkata, pada masa akan datang, Kumpulan Perangsang Selangor akan menjalin kerjasama dengan Sinar Harian menerusi program Jelajah Mesra Perangsang melibatkan sembilan daerah di Selangor pada 30 Jun ini.

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/kumpulan-perangsang-taja-liga-sahur-1.840948>